



## 'Pelajar terpaksa guna data internet sendiri di universiti'

Oleh [Adibah Hani Hasnan](#) - Januari 8, 2023 @ 3:39pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kemudahan capaian internet dan Wi-Fi yang lemah di kolej kediaman pelajar Universiti Malaya (UM), turut berlaku di beberapa universiti awam lain di seluruh negara hingga menyukarkan pelajar ketika sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP).

Keadaan itu menyebabkan pelajar terpaksa menggunakan data internet sendiri untuk kegunaan sesi PdP hingga membebankan mereka.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar, Perak, Sazman Iskandar Abdullah, 23, berkata kemudahan Wi-Fi di

sekitar fakulti dan kolej kediamannya sukar diakses, malah data internet sendiri juga agak lemah jika mereka mahu menggunakan untuk urusan PdP.

"Masalah ini sudah lama berlaku dan tiada tindakan dilakukan pihak atasaran untuk menaik taraf kualiti rangkaian Wi-Fi di sini," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Sementara itu, pelajar jurusan Sains Akuakultur di Universiti Putra Malaysia (UPM), Izzah 'Atirah Mohd Hir Tarmidi berkata, akses capaian internet kurang memuaskan ketika di kolej kediaman pelajar.

"Di UPM, ketika berada di kolej kediaman, capaian internet atau WiFi memang agak perlahan, tetapi pelajar tidak menghadapi masalah di setiap bilik kuliah kerana talian sangat memuaskan dan tiada gangguan untuk kegunaan sesi PdP," katanya yang juga wakil Majlis Perwakilan Kolej di UPM.

Selain itu, pelajar jurusan Komputer Sains (Sains Data) di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Batrisyia Issyam, 23, pula berkata, pelajar di universiti itu mudah mendapat akses rangkaian Wi-Fi di fakulti dan di perpustakaan kerana tahap kualiti internet yang semakin baik selepas Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menerima aduan pelajar.

"Walaupun capaian internet dan Wi-Fi di fakulti serta di perpustakaan sangat memuaskan untuk kegunaan PdP, namun masih ada masalah akses internet di kolej kediaman pelajar," katanya.